

Wanita

didenda

RM2,500

gara-gara

miliki

sekeping tiket

loteri haram

KUCHING: Padah memiliki sekeping tiket loteri haram, seorang wanita berusia 37 tahun dijatuhi hukuman denda RM2,500 atau lima bulan penjara di Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Norzaimi, dari Kampung Tabuan Hilir dan tidak diwakili peguam, mengaku bersalah di hadapan Majistret Ling Hui Chuan sebaik didakwa mengikut Seksyen 9 (1) Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara hingga enam bulan atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan terbabit sekitar jam 2.20 petang pada 16 Februari 2025 di sebuah premis di Jalan Matang-Batu Kawa di sini.

Berdasarkan fakta kes, sepasukan polis membuat serbuan Ops Dadu di premis tersebut dan memeriksa tertuduh yang sedang duduk.

Polis kemudian menjumpai satu unit telefon bimbit yang disyaki digunakan untuk menjual loteri awam tanpa lesen.

Sehubungan itu, polis menangkap tertuduh untuk tindakan selanjutnya dan merampas beberapa barangan yang disyaki digunakan untuk kegiatan terbabit termasuklah telefon bimbit, sekeping kertas putih bertulis angka-angka disyaki loteri awam tanpa lesen serta wang tunai RM96.

Hasil analisis pakar judi mendapati rampasan barang kes iaitu telefon bimbit berkenaan mengandungi satu tiket loteri yang lengkap malah pakar judi mengesahkan tertuduh positif melakukan kesalahan di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa ASP Arman Ibrahim.